

Company Name : CTOS Digital Berhad
Date : 01 July 2022
Source : Utusan Malaysia

CTOS lancar program rujukan pacu celik keuangan

PETALING JAYA: CTOS Data Systems Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh CTOS Digital Berhad, melancarkan program rujukan semakan sendiri Laporan Skor MyCTOS dalam usaha memperkasakan konsumer untuk mengawal kesihatan kewangan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CTOS, Eric Hamburger berkata, program itu dilancarkan pada masa yang sesuai kerana tanggungjawab kredit dan kesihatan kewangan adalah penting ketika negara semakin pulih daripada fasa pandemik.

Kata beliau, sebagai agensi pelaporan kredit terkemuka, CTOS menyasakan untuk memperkasa seramai mungkin orang dengan alatan serta pengetahuan yang betul untuk membuat keputusan kewangan yang baik.

"Menyemak laporan kredit MyCTOS anda adalah langkah pertama dalam perjalanan itu.

"Peningkatan pertumbuhan dalam pelanggan pemeriksaan sendiri CTOS yang kami saksikan menandakan konsumer secara keseluruhannya semakin sedar mengenai kesihatan kredit mereka.

"Kami ingin memberi ganjaran kepada mereka kerana mengawal kesihatan kewangan serta menggalakkan mereka untuk memperkasakan orang lain agar melakukan perkara yang sama," katanya dalam kenyataan.

Tambah Hamburger, negara sedang memasuki fasa endemik Covid-19 dan impak ke atas ekonomi akan berkurangan tetapi pemulihan sepenuhnya akan mengambil masa.

Dalam tempoh itu katanya, mengawasi skor kredit adalah lebih penting kerana akses kepada kredit masih sukar.